

<p><span class="pagenav">7 Mac 2008</span></p><p> </p><p> </p><div style="text-align:center"></div><br /> <font size="1"><div class="caption">TIGA orang ejen syarikat yang berselindung di sebalik skim gores dan menang menunggu mangsa di Selayang kelmarin. </div><div class="caption">◆</div><div class="caption"><div align="justify"> KUALA LUMPUR - Walaupun kerajaan mengharamkan peraduan gores dan menang, masih ada pihak yang terus 'menanggung di air keruh'. </div><p align="justify">Bagaimanapun kali ini mereka menggunakan taktik baru dengan mangsa tidak perlu lagi menggores kad.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Tinjauan <em>KOSMO!</em> di sebuah kawasan pasar raya dekat sini kelmarin mendapati, 'ulat-ulat' syarikat jualan langsung kini memujuk pelanggan dengan menawarkan risalah harga promosi barangan dari kilang.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Modus operandinya mengajak mangsa pergi ke pejabat untuk mengambil barangan yang ingin dibeli dan kemudian ditawarkan pula dengan hadiah lumayan. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">"Abang boleh beli barang yang terdapat dalam risalah ini dan boleh ambil di pejabat kami.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">"Dekat sana nanti staf kami akan bagi risalah lain yang mengandungi hadiah lumayan, kalau bertuah boleh dapat kereta," kata remaja yang bekerja dengan syarikat terbabit sambil memegang beberapa keping risalah.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Katanya, barangan hanya boleh diambil di pejabatnya yang terletak berhampiran Jusco Selayang atas alasan tidak ada perkhidmatan penghantaran dibuat ke rumah pelanggan.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Sementara itu, seorang suri rumah yang ditemui, Suzie Suhaimi, 35, berkata, dia pernah menjadi mangsa kumpulan terbabit dan diminta membuat bayaran tertentu jika mahu menebus hadiah.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">"Cara mereka mencurigakan kerana lepas kita bayar, hadiah hanya boleh ditebus selepas satu bulan," katanya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Pesara guru, Mokhtar Bohari pula mengakui pernah dimaki hamun oleh sekumpulan remaja setelah tidak mempedulikan pelawaan mereka untuk membeli barangan. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">Katanya, mereka mengetuk cermin kereta dan jika pintu dibuka, mereka akan terus menyerbu mangsa seperti memaksa agar mengisi borang pembelian.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">"Cara mereka yang kasar itu sudah menunjukkan ada sesuatu yang tak kena," jelasnya.</p>◆</div><div class="caption">◆</div><div class="caption">◆</div></font>